

Newspaper	Berita Harian
Date	23/4/2011

Misi kemanusiaan hantar kapal bantu penduduk Gaza

KUALA LUMPUR: Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) akan menghantar sebuah kapal membawa barang keperluan dalam misi menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza termasuk bahan untuk memperbaiki sistem pembetulan kumbahan serta penyediaan loji penapisan air yang musnah teruk akibat serangan tentera Israel.

Mengumumkan perkara itu, Presiden PGPF, Tun Dr Mahathir Mohamed, berkata air kumbahan sudah mengalir ke Laut Mediterranean yang mungkin akan mencemarkan perairan serta bekalan air bersih di kawasan sekitarnya, sekali gus mencetuskan wabak yang boleh membahayakan penduduk sekitar laut Mediterranean termasuk Israel sendiri.

"Jadi hasrat kita mahu

membantu memperbaiki sistem kumbahan supaya ia tidak terus mencemari kawasan perairan berkenaan," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran PGPF menggantikan Pertubuhan Keamanan Global Perdana (PGPO) di Yayasan Al-Bukhary, di sini semalam.

Selepas menjadi yayasan, fungsinya akan distruktur semula bagi membolehkan penyumbang PGPF memperoleh pengecualian cukai apabila memberi sumbangan untuk menjayakan aktiviti termasuk misi bantuan kemanusiaan dan program lain seperti persidangan dan pameran bagi mengharamkan peperangan.

Dr Mahathir berkata, tarikh sebenar misi kemanusiaan berkenaan belum dimuktamadkan kerana ada beberapa faktor perlu diamal dan diselesaikan terlebih dulu, tetapi berharap ia

dapat dilaksanakan seberapa segera.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau meminta masyarakat dunia menolak segala bentuk peperangan kerana ia satu jenayah dengan sesiapa yang melakukan kesalahan itu wajar dihukum termasuk digantung sampai mati.

"Pada saya tindakan membunuh sama ada dalam perang atau tidak tetap sama... namanya membunuh, malah membunuh dalam perang adalah tindakan paling tidak wajar kerana ia membabitkan kehilangan banyak nyawa serta harta benda. Justeru, masyarakat dunia perlu mengiktiraf peperangan sebagai jenayah.

"Saya tahu bukan senang mahu mengubah minda masyarakat mengenai perkara ini, tetapi adalah lebih baik kita berusaha mengubah persepsi berhubung isu ini terlebih dulu daripada kita ber-



DR Mahathir memukul gong simbolik majlis pelancaran PGPF sambil diperhatikan Or Siti Hasmah, Mohd Azumi (dua dari kiri), dan Norian di Yayasan Al-Bukhary di Kuala Lumpur, semalam.

peluk tubuh tanpa berbuat berbuat apa-apa," katanya.

Pada majlis sama Penasihat Kehormat PGPF, Tun Dr Hasmah Mohd Ali melepaskan 50 kereta Kelab MyVi dan Kelab BMW sebagai simbolik

pelancaran 'Jelajah Keamanan 2011' ke beberapa kawasan di seluruh Semenanjung bagi membawa mesej keamanan dan menolak sebarang bentuk peperangan yang disasarkan kepada pelajar uni-

versiti dan remaja.

Turut hadir, Pengerusi PGPF Tan Sri Norian Mai dan Pengarah Eksekutif PGPF, Jeneral (B) Datuk Seri Panglima Mohd Azumi Mohamad.